



NUGERAH
CEMERLANG

UNIVERSITI MALAYA 2018

17 DISEMBER 2018 (ISNIN) | DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA

ATUR CARA

- 2.15 petang : Ketibaan Penerima Anugerah & Tetamu
- 2.40 petang : Ketibaan Pro-Canselor, Universiti Malaya
- 2.50 petang : Keberangkatan
Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang Di-Pertuan Agong,
Tuanku Canselor, Universiti Malaya
- 3.00 petang : Lagu Negaraku
: Bacaan Doa
: Sembah Ucapan oleh Naib Canselor, Universiti Malaya
: Penyampaian Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2018 oleh Pro-Canselor
: Pengurniaan Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2018 oleh
Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang Di-Pertuan Agong,
Tuanku Canselor, Universiti Malaya
: Lagu Negaraku
- 4.30 petang : Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang Di-Pertuan Agong,
Tuanku Canselor, Universiti Malaya
berangkat meninggalkan majlis
: Jamuan
: Majlis Bersurai



ANUGERAH CEMERLANG

UNIVERSITI MALAYA

Anugerah Cemerlang Universiti Malaya merupakan anugerah tahunan yang diadakan untuk memberi penghargaan kepada staf cemerlang Universiti Malaya (UM) dan juga kepada badan-badan korporat bagi menyanjung dan menghargai sumbangan mereka kepada UM.

Anugerah Cemerlang Universiti Malaya ini telah mula dianjurkan pada tahun 2009 setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti pada 9 April 2009 bagi menggantikan Anugerah Cemerlang Canselor dan Anugerah Penerbitan Naib Canselor yang pernah diadakan pada tahun sebelumnya.

Tahun 2018 merupakan tahun ke-9 penganjuran Anugerah Cemerlang Universiti Malaya. Seiring dengan tema Anugerah Cemerlang Universiti Malaya "Pencetus Kecemerlangan", sebanyak 27 Kategori Utama dan 2 Kategori Khas telah dibuka kepada semua warga UM untuk pencalonan atau permohonan. Sebanyak 117 permohonan telah diterima dan 66 orang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2018.

KATEGORI ANUGERAH CEMERLANG UNIVERSITI MALAYA 2018

Kategori Utama

1. Tokoh Akademik Universiti Malaysia
2. Pensyarah Cemerlang
 - Klinikal
 - Sains dan Teknologi
 - Kemanusiaan
 - Sains Sosial
3. Pengajaran
4. E-Pembelajaran Inovatif
5. Pentadbir Akademik Terbaik
 - PTJ Akademik
 - PTJ Bukan Akademik
6. Penyelidik Cemerlang – Penyelidik Ulung
 - Sains
 - Kemanusiaan dan Sains Sosial
7. Penyelidik Cemerlang – Penyelidik Muda
 - Sains
 - Kemanusiaan dan Sains Sosial
8. Rakan Korporat – Penyelidikan
9. Rakan Korporat – Pembangunan Modal Insan
10. Staf Pengurusan dan Profesional Terbaik (Bukan Akademik)
 - Gred 48-54
 - Gred 41-44
11. Staf Pelaksana Terbaik
 - Gred 19-40
 - Gred 11-18
12. Penerbitan Buku
13. Staf Akademik yang Mempunyai Bilangan Penerbitan Rujukan Tinggi (*Highly Cited Paper*) yang Terbanyak
 - Sains
 - Kemanusiaan dan Sains Sosial
14. Staf Akademik yang Mempunyai Geran Penyelidikan Antarabangsa Tertinggi
15. Staf Akademik yang Mempunyai Geran Penyelidikan Industri Tertinggi
16. Komersialisasi
17. Perundingan
18. Pusat Penyelidikan (CoR) Yang Paling Produktif (kecuali HICOE & *Potential HICOE*)
 - Sains
 - Kemanusiaan dan Sains Sosial
19. Pusat Kecemerlangan Universiti Malaysia (UMCOE) Yang Paling Cemerlang (HICOE, *Potential HICOE* dan UMCOE sahaja)
20. Seni dan Kreatif
 - Staf Akademik
 - Staf Bukan Akademik
21. Jalanan Masyarakat
 - Penyelidik Kanan
 - Penyelidik Muda
 - Pelajar (PTJ)
22. Calon PhD Mempunyai Penerbitan Berimpak Tinggi
 - Sains
 - Kemanusiaan dan Sains Sosial
23. Perkhidmatan Penyelidikan – Juruteknologi
24. Kreatif dan Inovasi
25. Staf Harapan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)
26. Staf Harapan Pelaksana
27. Kepakaran/Bakat (Staf Bukan Akademik)

Kategori Khas

1. Hadiah Khas
2. Ganjaran bagi Graduan Kedoktoran (Staf UM) yang Tamat Pengajian dalam Tempoh yang Ditetapkan
 - Terima Ijazah PhD kurang dari 3 Tahun
 - Terima Ijazah PhD kurang dari 4 Tahun

The background is dark with several large, semi-transparent red circles and a faint red star shape. The text is centered in white.

PENERIMA ANUGERAH
(KATEGORI UTAMA)

TOKOH AKADEMIK UNIVERSITI MALAYA

Penerima Anugerah Tokoh Akademik Universiti Malaya ialah seorang ahli akademik yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjana kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat.



Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud

Fakulti Perubatan

Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud merupakan Doktor Malaysia yang pertama menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Informatik Kesihatan dan beliau merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam pertama di Malaysia yang memegang empat *fellowship* berikut secara serentak - Fellow of Faculty of Public Health UK, Fellow of Public Health Medicine Malaysia, Fellow of Academy of Medicine Malaysia dan Fellow of Academy of Sciences Malaysia.

Pada tahun 2013, beliau menerima Anugerah Maal Hijrah daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk Pencapaian Gemilang Penyelidikan dan Pembangunan. Pada tahun 2018 pula, beliau menerima anugerah Excellence in Leadership Medallion daripada Asia Pacific Academic Consortium for Public Health (APACPH) yang merupakan antara anugerah tertinggi dalam bidang Kesihatan Awam antarabangsa.

Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba menyertai UM sebagai pensyarah di Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan pada tahun 1998 dan telah menyelia lebih daripada 30 orang pelajar pascasiswazah. Seorang Penyelidik Kesihatan Awam yang prolifik dengan 116 penerbitan dalam indeks ISI, Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba juga merupakan penyunting untuk Asia-Pacific Journal

of Public Health dan Malaysian Orthopaedic Journal. Beliau juga terkenal sebagai seorang pengulas jurnal dengan lebih 150 ulasan dalam jurnal seperti International Journal of Cardiology, The Lancet, Journal of Healthcare Engineering dan Medical Journal of Malaysia.

Semasa memegang jawatan Ketua Jabatan, beliau menerajui usaha merombak program Ijazah Sarjana Kesihatan Awam serta mewujudkan program Ijazah Doktor Kesihatan Awam. Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan Julius Centre (JCUM) dan Centre for Population Health (CePH).

Menerajui kecemerlangan UM dalam pelbagai portfolio - Menjalankan Fungsi Sebagai Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba bersama-sama pasukannya telah berjaya membawa UM menerobos kelompok 100 universiti terbaik dunia dalam penarafan QS World University Rankings 2018/19.

Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba adalah ahli Majlis Akademi Sains Malaysia, Pengarah Projek Dasar Sains, Teknologi & Inovasi Negara 2021-2030 dan Presiden APACPH-KL.

PENSYARAH CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada staf akademik yang telah mencapai kecemerlangan dalam aspek pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan inovasi, pentadbiran dan pengurusan, sumbangan dan pengiktirafan serta tanggungjawab sosial kepada universiti, masyarakat dan negara.



SAINS DAN TEKNOLOGI

**Professor Dr. Noor Hasima A K
Nagoor Pitchai**

Fakulti Sains



KEMANUSIAAN

Dr. Surinderpal Kaur Chanan Singh

Fakulti Bahasa dan Linguistik



SAINS SOSIAL

**Professor Madya Dr. Noor
Ismawati Jaafar**

Fakulti Perniagaan dan Perakaunan

PENGAJARAN

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada staf akademik yang telah menunjukkan keserjanaan dan kecemerlangan dalam pengajaran. Keserjanaan pengajaran merujuk kepada tahap keilmuan yang tinggi yang merangkumi penjanaaan dan perkongsian ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kecemerlangan pengajaran merujuk kepada amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif, berasaskan falsafah, teori dan prinsip pengajaran yang mantap untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar.



Datin Profesor Madya Dr. Safiah @ Yusmah Muhammad Yusoff

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

E-PEMBELAJARAN INOVATIF

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam inovasi pembelajaran menggunakan kaedah atas talian termasuk melalui penggunaan SPeCTRUM, laman web, media sosial, aplikasi komunikasi maya dan sebagainya.



Dr. Dorothy Dewitt

Fakulti Pendidikan

PENTADBIR AKADEMIK TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada staf akademik yang telah mencapai kecemerlangan sebagai Pentadbir Akademik termasuklah dari segi kepimpinan yang ditonjolkan, perancangan dan pencapaian hala tuju atau pelan strategik organisasi, sumbangan dan pengiktirafan di peringkat nasional mahupun antarabangsa dan sebagainya.



PTj AKADEMIK

Professor Madya Dr. Zamri Radzi

Fakulti Pergigian



PTj BUKAN AKADEMIK

Professor Madya Dr. Yong Zulina Zubairi

Pejabat Hubungan Antarabangsa

PENYELIDIK CEMERLANG

Anugerah Penyelidik Cemerlang diwujudkan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para penyelidik yang menunjukkan kecemerlangan serta memberi sumbangan besar terhadap pembangunan dan peningkatan penyelidikan di universiti.

PENYELIDIK ULUNG



SAINS

Professor Dr. Hany Mohd Ariffin
Fakulti Perubatan



KEMANUSIAAN DAN SAINS SOSIAL

Professor Dr. Edmund Terence Eric Boniface Gomez
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

PENYELIDIK MUDA



SAINS

Dr. Ong Hwai Chyuan
Fakulti Kejuruteraan

Anugerah ini diberikan kepada badan korporat/syarikat/pertubuhan yang telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada Universiti Malaya khasnya dalam bidang penyelidikan.

OSRAM

Opto Semiconductors

OSRAM Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd.

Kerjasama UM-OSRAM merangkumi tajaan biasiswa kepada pelajar, sumbangan derma peralatan, dan nasihat teknikal dalam teknologi fabrikasi peranti *light-emitting diode* (LED). Kerjasama ini adalah selari dengan kerjasama CREST-UM-UCSB dengan objektif yang sama, iaitu untuk menghasilkan peranti LED yang efisien mencecah 200 lumen/Watt di Malaysia.

OSRAM memberi tajaan biasiswa kepada dua pelajar PhD selama tiga tahun pengajian (36 bulan), iaitu sebanyak RM50,000 bagi setiap pelajar pada setiap tahun. Jumlah tajaan biasiswa ini adalah sebanyak RM300,000 untuk tempoh tiga tahun.

OSRAM juga memberi sumbangan berbentuk peralatan, iaitu Laser INDI-40-20-HG sebanyak empat unit kepada UM. Harga setiap Laser tersebut bernilai RM247,684.90 menjadikan jumlah sumbangan sebanyak RM990,739.60 secara keseluruhan.

Kerjasama CREST-UM-UCSB dan UM-OSRAM ini telah membawa kerjasama baharu CREST-UM-SILTERRA yang sedang dalam proses semakan perjanjian oleh Unit Perundangan, UM. Kerjasama baharu ini akan meneroka proses fabrikasi Peranti Kuasa (*Power Device*) seperti *High-Electron Mobility Transistor* (HEMT) untuk aplikasi dalam *inverter* dan radio-frekuensi termaju seperti komunikasi 5G.



Daikin Malaysia Sdn. Bhd.

Daikin Malaysia Sdn. Bhd. (DAMA) adalah satu-satunya pengeluar penghawa dingin di Malaysia yang menghasilkan pelbagai kelengkapan HVAC dari penghawa dingin kediaman asas ke pam haba komersial berteknologi tinggi untuk pasaran eksport di Malaysia dan global.

Integrasi bersama dengan Daikin telah membolehkan Daikin Malaysia memanfaatkan kekuatan dan mengimbangi kelemahan masing-masing serta membangunkan perniagaan dan meningkatkan teknologi. Di pusat R&D Daikin, kemudahan pengeluaran terkini di Sungai Buloh telah membolehkan

Daikin terus memacu kemajuan dalam kecekapan tenaga dan meningkatkan keselesaan dalam rumah untuk pelanggan mereka.

Dari segi sumbangan *corporate social responsibility* (CSR) kepada masyarakat, Daikin Malaysia telah menyumbang sebanyak RM50,000.00 dalam bentuk kewangan dan RM272,000.00 dalam bentuk peralatan kepada Universiti Malaya untuk memajukan lagi teknologi penyamanan udara di Malaysia. Selain itu, Daikin juga membenarkan pelajar-pelajar dari Universiti Malaya untuk menggunakan kemudahan R&D di Daikin Research & Development Sdn. Bhd. di Sungai Buloh, Selangor, Malaysia.

Anugerah ini diberikan kepada badan korporat/syarikat/pertubuhan yang telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada Universiti Malaya dalam bidang pembangunan modal insan.



Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.

Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC) ialah satu agensi milik kerajaan yang dilancarkan pada tahun 1996 untuk menerajui transformasi ekonomi digital Malaysia. Ianya bermula daripada Visi 2020 iaitu pelan pembangunan Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020.

MDEC tegas menuju ke arah masa depan digital yang membuka peluang ekonomi, persekitaran dan nilai sosial untuk negara. MDEC diamanahkan untuk memantau pembangunan inisiatif MSC Malaysia, satu platform untuk memupuk pembangunan syarikat-syarikat berasaskan teknologi

tempat di samping menarik pelaburan asing langsung dan pelaburan terus tempatan daripada syarikat multinasional global. Kesan daripada tindakan ini termasuklah peningkatan dalam Malaysia's Gross National Index, yang merapatkan jurang pendapatan dan memperbaiki taraf kehidupan.

Ekonomi digital yang kuat dan mampan membolehkan satu populasi yang bukan sahaja memiliki kekompetenan digital yang berkaitan, tetapi menginspirasi mereka untuk turut menyumbang. MDEC berusaha menuju ke arah *inclusive adoption* yang menggalakkan rakyat Malaysia untuk menerima teknologi dalam kehidupan seharian mereka untuk memperbaiki kesejahteraan sosio-ekonomi.

MDEC dicalonkan untuk anugerah Rakan Korporat atas sumbangan berikut (dalam tahun 2017):

1. Penganugerahan status Universiti Teknologi Digital Perdana (*Premier Digital Tech University*) kepada Universiti Malaya melalui Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM);
2. Memilih Universiti Malaya melalui FSKTM sebagai #MyDigitalMaker CPD Center (Central hub: Selangor/Perak/Pahang/Negeri Sembilan) berdasarkan syor industri untuk meningkatkan kesediaan pendidik melalui:
 - Program Pensijilan KPM-MDEC Computational

Thinking & Computer Science Teaching yang melibatkan 240 orang guru setakat ini.

- Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) kepada guru-guru untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang sains komputer.
 - Program jangkauan (*outreach*) berdasarkan pembuatan digital, pengaturcaraan dan robotik untuk pelajar sekolah.
3. Penajaan bagi pembangunan Pusat Kerjaya Digital (Digital Career Centre) di FSKTM;
 4. Menghubungkan pemain-pemain industri dan agensi-agensinya dengan FSKTM;

5. Program *Influencer Immersion* bagi staf akademik dan pelajar untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman pensyarah serta pelajar melalui sangkutan di industri dan menjalani kursus-kursus pensijilan profesional;
6. Menyediakan Panel Pakar Digital untuk membantu proses pembangunan dan penambahbaikan kurikulum;
7. Menyediakan platform untuk pihak industri berkolaborasi dengan FSKTM, UM; dan
8. Menyediakan peluang untuk pelajar menjalani latihan industri di industri-industri terpilih.

STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL TERBAIK (BUKAN AKADEMIK)

Anugerah ini diberikan kepada staf Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) yang telah mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan pentadbir bukan akademik termasuk dari segi kepimpinan dan profesionalisme yang ditonjolkan. Selain itu, penerima juga mampu mencetuskan idea yang inovatif dan melaksanakannya secara berkesan serta meletakkan kepentingan organisasi melebihi kepentingan diri sendiri.

GRED 48-54



Puan Nor Hafizah Abdullah
Bahagian Sumber Manusia



Dr. Chen Chee Dhang
Biodiversity and Ecological
Research Network (BEN)

GRED 41-44



Encik Hanif Sabtu
Fakulti Kejuruteraan



Encik Mohammad Zainuddin Borhan
Jabatan Pembangunan dan
Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB)

STAF PELAKSANA TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada staf pelaksana yang telah mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan pentadbir sokongan dari segi kepimpinan dan profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran, inisiatif dan inovasi, hubungan interpersonal dan kerja berpasukan.

GRED 19-40



Puan Rosmawati Hashim
Fakulti Sains



Encik Ahmad Fahim Mahmud
Pejabat Keselamatan dan Kesihatan (OSH)



Puan Faziati Mohd
Fakulti Kejuruteraan

GRED 11-18



Encik Akhbar Rahman
Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB)



Encik Kuzaimi Mustafa
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



Encik Samsudin Pardi
Pusat Sukan dan Sains Eksesais


PENERBITAN BUKU

Anugerah ini diberikan kepada pengarang buku ilmiah karya asli yang mana bukunya mempunyai nilai keaslian, memberi sumbangan kepada negara dan mempunyai tarikan umum yang tersendiri. Buku berkenaan hendaklah memperlihatkan dampak ilmiah dan menerobos sempadan ilmu.

PENERIMA BERSAMA



Professor Dr. Chua Yan Piaw
Fakulti Pendidikan



Professor Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail
Akademi Pengajian Islam



STAF AKADEMIK YANG MEMPUNYAI BILANGAN PENERBITAN RUJUKAN TINGGI (*HIGHLY CITED PAPER*) YANG TERBANYAK

Penerima anugerah ini merupakan ahli akademik yang komited dalam penyelidikan dan diiktiraf berdasarkan kepada hasil kajian mereka yang mempunyai bilangan penerbitan rujukan tinggi (*highly cited paper*) yang terbanyak. Para penerima anugerah telah menerbitkan makalah dalam penerbitan berimpak tinggi yang paling kerap dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik-penyelidik di seluruh dunia.



SAINS

Dr. Ong Hwai Chyuan
Fakulti Kejuruteraan

STAF AKADEMIK YANG MEMPUNYAI GERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA TERTINGGI


Anugerah ini diberikan khas kepada staf akademik yang mempunyai geran penyelidikan antarabangsa tertinggi di mana penilaian dibuat secara terus melalui pangkalan data Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP).



Profesor Dr. Esther Gnamamar Sarojini A Daniel
Fakulti Pendidikan

STAF AKADEMIK YANG MEMPUNYAI GERAN PENYELIDIKAN INDUSTRI TERTINGGI

Anugerah ini diberikan khas kepada staf akademik yang mempunyai geran penyelidikan industri tertinggi di mana penilaian dibuat secara terus melalui pangkalan data Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP).



Profesor Dr. Ainin Sulaiman
Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP)

KOMERSIALISASI

Anugerah Komersialisasi merangkumi pengkomersialan produk dan perkhidmatan berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Malaysia atau luar negara serta telah dikomersialkan melalui syarikat berdaftar, memberi impak dari segi penjana ilmu ke arah peningkatan kualiti hidup dan taraf ekonomi rakyat, merakyatkan inovasi serta pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara.



Professor Ir. Dr. Mohd Azlan Hussain
Fakulti Kejuruteraan

PERUNDINGAN

Penerima Anugerah Perundingan merupakan ahli akademik yang komited dalam perundingan dan diiktiraf berdasarkan kepada hasil perundingan dan kerja-kerja khusus mereka. Para penerima anugerah telah menjalankan kerja-kerja usaha sama dengan menjalankan tugas kontrak atau dengan menjalankan projek usaha sama dengan lain-lain industri atau sektor kerajaan dengan cemerlang.



Dr. Wan Yusoff Wan Sulaiman
Fakulti Perubatan

PUSAT PENYELIDIKAN (CoR) YANG PALING PRODUKTIF (KEQUALI HICOE & *POTENTIAL* HICOE)

Anugerah ini diberikan kepada Pusat Penyelidikan (CoR) yang mencapai markah paling tinggi iaitu melebihi 50% dalam penilaian tahunan berdasarkan kriteria penilaian prestasi pusat penyelidikan di Universiti Malaya.



SAINS

Centre for Natural Product and Drug Discovery (CENAR)



KEMANUSIAAN DAN SAINS SOSIAL

Centre for Quranic Research (CQR)

PUSAT KECEMERLANGAN UNIVERSITI MALAYA (UMCOE) YANG PALING CEMERLANG (HICOE, *POTENTIAL* HICOE DAN UMCOE SAHAJA)

Anugerah ini diberikan kepada Pusat Kecemerlangan Universiti Malaya (UMCOE) yang mencapai markah paling tinggi iaitu melebihi 80% dalam penilaian tahunan berdasarkan kriteria penilaian prestasi pusat penyelidikan di Universiti Malaya.



Centre for Research in Biotechnology for Agriculture (CEBAR)

SENI DAN KREATIF

Anugerah ini diberikan kepada staf yang telah menunjukkan kecemerlangan dan menyumbang kepada pembangunan seni dan/atau kreativiti serta memberi impak positif kepada universiti, masyarakat atau negara.



STAF AKADEMIK

Dr. Zunaibi Abdullah

Fakulti Alam Bina



STAF BUKAN AKADEMIK

Encik Mustafa Abdul Rani

Jabatan Pembangunan dan
Penyelenggaraan Harta Benda
(JPPHB)

JALINAN MASYARAKAT

Penerima Anugerah Jalinan Masyarakat merupakan penghargaan kepada Penyelidik Masyarakat (PTj) yang telah menyumbangkan kepakaran, teknologi, masa dan tenaga mereka dalam menghasilkan projek berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat

PENYELIDIK KANAN



Dr. Rozita Che Omar
Fakulti Bahasa dan Linguistik

PENYELIDIK MUDA



Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman
Fakulti Pendidikan

PELAJAR (PTj) (Penerima Bersama)



**Encik Muhammad Madhi
Mohd Budiman**
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni



**Cik Raja Nor Aleyyah Aghna
Raja Idris**
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni

CALON PhD MEMPUNYAI PENERBITAN BERIMPAK TINGGI

Anugerah ini diberikan kepada calon PhD yang mempunyai penerbitan berimpak tinggi.

SAINS



Dr. Fatin Saiha Omar
Fakulti Sains

KEMANUSIAAN DAN SAINS SOSIAL



Dr. Md. Aslam Mia
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN – JURUTEKNOLOGI

Anugerah Perkhidmatan Penyelidikan Juruteknologi merupakan satu pengiktirafan terhadap kerja dan pencapaian Penolong Pegawai Sains/ Juruteknologi/Juruteknologi Makmal Perubatan/ Juruteknik/ Pembantu Makmal yang kerjanya berkaitan dengan penyelidikan sains dan teknologi (S&T). Anugerah ini diharap akan memberikan perangsang dan galakan kepada mereka untuk meningkatkan kecemerlangan kreativiti dan melipatgandakan usaha mereka untuk membantu universiti memajukan penyelidikan sains dan teknologi.



Cik Nur Hidayana Mahfodz
Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre (TIDREC)

KREATIF DAN INOVASI

Anugerah ini bertujuan memberi peluang kepada semua staf bukan akademik Universiti Malaya untuk mencetuskan idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Universiti Malaya.

Kumpulan: **M&E, JPPHB**

PTJ: **Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda**

Ahli-ahli:

1. Encik Azally Makmor (Ketua)
2. Encik Mohd Husni On
3. Encik Muzamil Baharan*
4. Encik Mohd Zahari Mohd Rasidi
5. Encik Kheirul Anwar Bin Airrudin
6. Encik Shahariman Zainal Abidin
7. Encik Mohd Rosley Ismail
8. Encik Mohd Izhar Othaman

(*Tiada dalam gambar)



Tajuk Projek: **Penjimatan Penggunaan Tenaga Elektrik Kampus Utama 2017-2018**

Penggunaan tenaga elektrik di Universiti Malaya (UM) adalah antara yang tertinggi di Kuala Lumpur sehingga pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyenaraikan UM sebagai *Prime Power Consumer*. Pada tahun 2016, UM telah membayar sebanyak RM 37,345,192.88 bagi penggunaan tenaga elektrik setahun.

Oleh demikian, beberapa inisiatif telah dijalankan bagi tujuan penjimatan penggunaan tenaga iaitu penambahbaikan kepada sistem bekalan kuasa dan penambahbaikan kepada sistem yang menggunakan bekalan kuasa (perkakasan pengguna). Dengan kerjasama yang baik antara Bahagian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan Bahagian Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB), inisiatif penjimatan ini berjaya dilaksanakan.

Hasilnya, penggunaan tenaga (dari Januari sehingga September) telah berjaya dikurangkan sebanyak 6,486,488 kWh (bersamaan RM2,194,922.59) pada tahun 2017 dan 8,346,008 kWh (bersamaan RM3,611,200.49) pada tahun 2018 berbanding tahun 2016. Ini bermakna jumlah keseluruhan penjimatan yang telah berjaya direkodkan (dari Januari 2017 sehingga September 2018) adalah sebanyak 14,832,496 kWh (bersamaan RM5,806,123.08) berbanding tahun 2016.

Pihak Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dan JPPHB sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan prasarana secara efisien serta kos efektif kepada seluruh warga kampus.



Pemasangan 'Smart Meter' di setiap pencawang elektrik dan perkakasan elektrik berkuasa besar. Dengan adanya 'smart meter', pemantauan penggunaan tenaga dapat dibuat secara menyeluruh dan terperinci.



Penyelenggaraan secara berkala kepada sistem *chiller*, sistem penghawa dingin berpusat dan sistem lif penumpang dapat memastikan sistem berfungsi dengan baik tanpa menggunakan tenaga yang berlebihan.



Penyelenggaraan pencawang elektrik.

STAF HARAPAN

Anugerah ini diberikan kepada Staf Harapan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) yang telah mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan pentadbir bukan akademik mempamerkan potensi yang tinggi dalam bidang kepimpinan, keberanian, kecekapan dan sedia mengambil risiko dalam apa jua situasi.

Penerima Anugerah Staf Harapan Pelaksana ialah staf pelaksana yang telah mempunyai pencapaian prestasi yang cemerlang serta telah mempamerkan potensi yang cemerlang dalam kepimpinan, kecekapan, keberanian dan berkeyakinan tinggi dalam menjalankan tugas yang diberikan.

PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK)



**Puan Wan Melissa Diyana
Wan Normazlan**
Fakulti Perubatan

STAF PELAKSANA



Cik Nurul Irma Iza Zulkaffli
Fakulti Perubatan

KEPAKARAN/BAKAT (STAF BUKAN AKADEMIK)

Anugerah Kepakaran/Bakat diberikan kepada staf bukan akademik yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menjadi pakar rujuk (*resource person*) dalam hal ehwal bidang yang tertentu. Penerima yang dipilih mampu menunjukkan kemahiran dan pengetahuan yang diiktiraf sama ada di peringkat Universiti, tempatan dan antarabangsa.



Encik Mohd Shukri Hadafi Md Nor
Pusat Teknologi Maklumat

PENERIMA ANUGERAH
(KATEGORI KHAS)

HADIAH KHAS

Anugerah ini dirangka khusus buat staf Universiti Malaya yang menunjukkan pencapaian dan penglibatan kemasyarakatan luar biasa di peringkat komuniti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa yang memberi kesan secara langsung ke atas imej dan reputasi Universiti secara positif.



STAF BUKAN AKADEMIK

Encik S Ramlee Shamsuddin

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Encik S Ramlee Shamsuddin telah menyumbang kepada Universiti dalam usaha beliau menggerakkan, menyelaras dan mengetuai misi serta program kemanusiaan di peringkat Universiti, komuniti, kebangsaan dan antarabangsa. Program kemanusiaan ini digerakkan atas minat, kesedaran dan inisiatif untuk menyumbang kepada masyarakat dan menggalakkan pelajar serta staf Universiti Malaya untuk turut sama dalam program tersebut.

Beliau juga merupakan Ahli Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia (MASKUM) dan Penasihat bagi Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya (SEKRUM). Antara aktiviti yang diterajui oleh beliau ialah:

- Misi Banjir Universiti Malaya ke Kelantan (Januari 2017);
- Misi Banjir ke Pahang (Februari 2017);
- Program Bersama Komuniti Kg. Dusun Tua, Hulu Langat Selangor (April 2017);
- Sukarelawan Universiti Malaya sempena Sukan SEA Kuala Lumpur (Ogos 2017); dan
- Program Pendidikan Bersama Anak Orang Asli di Kg. Orang Asli Ulu Batu Sg. Tua, Program Pendidikan Bersama Rumah Anak Yatim PERMATA Hati di Gombak dan Program Pendidikan Bersama Rumah Anak Yatim Arraudhah di Gombak (Oktober 2017).

Beliau juga merupakan mentor kepada pelajar UM yang telah meraih kejayaan di Anugerah Tokoh Siswa anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia pada 22 September 2018. Anugerah yang dimenangi adalah:

- Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya yang berjaya merangkul anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik 2017; dan
- Saudara Muhamad Madhi Budiman yang dinobatkan sebagai Tokoh Kepimpinan Program Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti.

GANJARAN BAGI GRADUAN KEDOKTORAN (STAF UM) YANG TAMAT PENGAJIAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN



Anugerah ini diberikan kepada staf akademik Universiti Malaya, pengajar dan felo Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)/ Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) yang mendapat ijazah PhD dalam tempoh yang ditetapkan. Ganjaran ini diberikan bertujuan memberi galakan kepada staf akademik, pengajar dan felo SLAB/SLAI agar dapat bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan.

TERIMA IJAZAH PhD KURANG DARI 3 TAHUN



Dr. Ruhaila Md. Kasmani
Pusat Asasi Sains

TERIMA IJAZAH PhD KURANG DARI 4 TAHUN



1. Dr. Tan Kae Yi

Fakulti Perubatan

2. Dr. Luqman Lee

Pusat Kebudayaan

3. Dr. Siti Amalina Inche Zainal Abidin

Fakulti Pergigian

4. Dr. Nur Kusaira Khairul Ikram

Fakulti Sains

5. Dr. Yasmin Kamarudin

Fakulti Pergigian

6. Dr. Jong Wei Loong

Fakulti Perubatan

7. Dr. Sharifah Basirah Syed Muhsin

Akademi Pengajian Islam

8. Dr. Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar

Akademi Pengajian Islam


9. Dr. Tengku Nurfarhana Nadirah Tengku Hamzah

Fakulti Pergigian

10. Dr. Ng Tyng Yan

Fakulti Perubatan

AUTOGRAF





**UNIVERSITI
MALAYA**

PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS L, BANGUNAN CANSELERI
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR
Tel.: 03-7967 3238
Faks: 03-7956 0027
E-mel: corporate@um.edu.my

REKA BENTUK DAN DICETAK OLEH:
PENERBIT UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR